




Semarak International Journal of Applied Psychology

Journal homepage:
<https://semarakilmu.digital/index.php/sijap/index>
ISSN: 3030-525X



Pengaruh Psikologi Kerohanian dalam Memupuk Minat dan Motivasi terhadap Pembelajaran Bahasa Arab: Kajian Konseptual dalam Kalangan Guru Pelatih IPG Kampus Perempuan Melayu Melaka

The Influence of Spiritual Psychology in Cultivating Interest and Motivation in Learning Arabic: A Conceptual Study among Trainee Teachers of the Malay Women's Campus of IPG, Melaka

Nurwaina Rasit^{1,*}

¹ Jabatan Perancangan, Penyelidikan dan Inovasi, IPG Kampus Perempuan Melayu Melaka, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:

Received 11 July 2025
Received in revised form 15 August 2025
Accepted 28 August 2025
Available online 25 September 2025

ABSTRACT

Psikologi kerohanian merupakan salah satu elemen penting dalam membentuk kesejahteraan emosi dan meningkatkan motivasi intrinsik individu. Walau bagaimanapun, peranan psikologi kerohanian terhadap minat dan motivasi dalam pembelajaran bahasa Arab masih kurang diterokai secara mendalam dalam penyelidikan. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti konsep psikologi kerohanian dalam konteks pembelajaran bahasa Arab serta menganalisis pengaruhnya terhadap minat dan motivasi pelajar. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah analisis dokumen dan temu bual separa berstruktur. Seramai lima orang guru pelatih opsyen Pendidikan Islam di IPGK PM telah dipilih sebagai responden melalui persampelan bertujuan. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan teknik analisis tematik seperti yang disarankan oleh Creswell (2018), melibatkan proses pengkodan terbuka, pengkategorian, dan pembentukan tema. Dapatan kajian mengenal pasti empat tema utama, iaitu: (i) kesedaran kerohanian sebagai dorongan intrinsik; (ii) hubungan dengan Allah meningkatkan kesungguhan; (iii) nilai rohani meningkatkan minat dan komitmen; dan (iv) integrasi kerohanian dalam pengajaran meningkatkan motivasi. Kesemua tema ini menunjukkan bahawa dimensi psikologi kerohanian berperanan penting dalam memupuk minat dan meningkatkan motivasi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab. Kajian ini diharapkan dapat menjadi rujukan kepada pendidik dan penyelidik dalam merangka

* Corresponding author.

E-mail address: nurwaina@ipgm.edu.my

<https://doi.org/10.37934/sijap.7.1.2637>

intervensi pedagogi bahasa Arab yang holistik serta menyokong aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Spiritual psychology is one of the important elements in shaping emotional well-being and increasing individual intrinsic motivation. However, the role of spiritual psychology on interest and motivation in Arabic language learning is still not explored in depth in research. Accordingly, this study was conducted to identify the concept of spiritual psychology in the context of Arabic language learning and analyze its influence on students' interest and motivation. This study used a qualitative approach with document analysis and semi-structured interviews. A total of five Islamic Education option trainee teachers at IPGK PM were selected as respondents through purposive sampling. The data obtained were analyzed using thematic analysis techniques as recommended by Creswell (2018), involving the process of open coding, categorization, and theme formation. The study findings identified four main themes, namely: (i) spiritual awareness as an intrinsic drive; (ii) relationship with Allah increases determination; (iii) spiritual values increase interest and commitment; and (iv) integration of spirituality in teaching increases motivation. All these themes show that the psychological dimension of spirituality plays an important role in fostering interest and increasing students' motivation towards learning Arabic. It is hoped that this study can serve as a reference for educators and researchers in designing holistic Arabic language pedagogical interventions and supporting the aspirations of the National Education Philosophy.

Keywords:

Psikologi kerohanian; minat; motivasi; pembelajaran bahasa Arab; guru pelatih IPGKPM

Spiritual psychology; interest; motivation; learning Arabic; IPGKPM trainee teacher

1. Pengenalan

Bahasa Arab merupakan bahasa wahyu dan menjadi kunci utama kepada kefahaman al-Qur'an, hadis serta khazanah keilmuan Islam. Dalam konteks pendidikan, Bahasa Arab bukan sahaja berperanan sebagai alat komunikasi tetapi juga sebagai medium penting dalam penghayatan nilai-nilai Islam dan pembentukan jati diri pelajar. Penguasaan bahasa Arab dalam kalangan guru pelatih di Institut Pendidikan Guru (IPG) adalah sangat signifikan dan penting kerana mereka bakal menjadi pendidik yang menyebarkan ilmu dan nilai Islami kepada generasi akan datang. Namun begitu, realiti semasa menunjukkan bahawa tahap penguasaan dan minat terhadap Bahasa Arab terus menjadi cabaran utama. Antara isu lazim yang dikenalpasti termasuk tanggapan Bahasa Arab sebagai mata pelajaran sukar, kelemahan penguasaan asas nahu dan sarf, serta kekurangan motivasi dalaman pelajar untuk mendalami bahasa tersebut [27,28,31]. Situasi ini membawa kepada penurunan minat, pencapaian akademik yang sederhana, dan kekangan dalam keyakinan diri untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab [24].

Dalam usaha memupuk minat pelajar, pelbagai pendekatan pedagogi telah dicadangkan antaranya seperti strategi pembelajaran aktif, penggunaan teknologi digital, serta pengajaran berpusatkan pelajar [2,22]. Namun begitu, aspek psikologi kerohanian masih dilihat kurang diberi penekanan dalam kajian pendidikan Bahasa Arab. Sedangkan dalam tradisi pendidikan Islam, kerohanian merupakan asas penting yang mempengaruhi motivasi, minat dan kesungguhan pelajar dalam menuntut ilmu. Konsep psikologi kerohanian meliputi dimensi seperti hubungan individu dengan Allah, kesedaran tujuan hidup, nilai sabar, ikhlas, tawakal, dan kesejahteraan rohani yang menyokong perkembangan psikologi positif. Kajian lepas menunjukkan bahawa faktor kerohanian mempunyai kaitan yang kuat dengan minat dan motivasi intrinsik pelajar. Misalnya, *Self-Determination Theory* menjelaskan bahawa motivasi yang berkualiti datang dari dalam diri individu dan terikat pada makna, nilai, dan identiti [13]. Dalam satu kajian kuantitatif ke atas pelajar sekolah menengah agama di Malaysia, dapatan kajian menunjukkan tahap amalan kerohanian yang tinggi mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian dalam bahasa Arab sebagai bahasa asing. Dapatan ini membuktikan potensi dimensi spiritual sebagai pemangkin motivasi intrinsik dalam pembelajaran bahasa.

Dalam konteks pembelajaran bahasa Arab, psikologi kerohanian boleh menjadi pemangkin motivasi bukan sahaja kerana tuntutan akademik, tetapi juga kesedaran rohani dan tanggungjawab kepada agama. Maka, kajian ini dicadangkan untuk meneroka hubungan antara psikologi kerohanian dan minat siswi IPG terhadap pembelajaran Bahasa Arab. Sebagai bakal guru, pembinaan minat berasaskan psikologi kerohanian bukan sahaja menyokong penguasaan bahasa secara mendalam, tetapi juga membantu pembentukan peribadi Islami yang menjadi teladan kepada pelajar pada masa hadapan.

2. Kajian Literatur

Di dalam konteks ini, pengkaji akan memfokuskan kajian literatur berkaitan pemboleh ubah-pemboleh ubah utama di dalam kajian ini.

2.1 Konsep Psikologi Kerohanian

Psikologi kerohanian merujuk kepada gabungan antara aspek psikologi iaitu kajian tentang minda, emosi, dan tingkah laku dengan dimensi kerohanian yang melibatkan kesedaran hubungan dengan Tuhan, makna hidup, nilai agama, dan pengalaman spiritual. Dimensi ini menggambarkan bagaimana faktor rohani mempengaruhi kesejahteraan psikologi, motivasi, dan tingkah laku individu. Menurut Rothman [26], psikologi kerohanian Islam menekankan integrasi antara jiwa (*nafs*), hati (*qalb*), dan roh (*ruh*) sebagai teras kesejahteraan psikologi. Integrasi ini berpaksikan konsep tauhid, yang menjadi panduan utama dalam memberi arah dan makna kehidupan. Firman Allah SWT dalam Surah al-Ra'd ayat 28 menegaskan bahawa ketenangan hati hanya diperoleh melalui hubungan dengan Allah:

"Ketahuilah dengan mengingati Allah, hati akan menjadi tenang." (Surah al-Ra'd, 13:28).

Subandi *et al.*, [29] mendapati bahawa amalan tazkiyat al-nafs seperti zikir dan muhasabah berperanan meningkatkan pengawalan emosi dan ketahanan psikologi, khususnya dalam menghadapi tekanan hidup. Oleh itu, psikologi kerohanian bukan sahaja menyumbang kepada kesejahteraan mental, malah memperkuat motivasi dan daya tahan individu. Dalam konteks pendidikan Islam, kerohanian dilihat sebagai asas penting yang mempengaruhi motivasi dan minat belajar. Hal ini kerana pelajar yang memiliki kesedaran rohani yang tinggi cenderung menunjukkan motivasi intrinsik yang lebih kuat terhadap pembelajaran dan mengaitkannya dengan nilai agama dan matlamat hidup yang lebih bermakna.

2.2 Minat dan Motivasi dalam Pembelajaran Bahasa Arab

Dalam konteks pembelajaran bahasa, minat adalah kecenderungan afektif-kognitif yang mendorong pelajar untuk mendekati, meneliti dan mengekalkan tumpuan terhadap sesuatu penguasaan bahasa. Dalam pembelajaran bahasa Arab, minat ini dapat mendorong keterlibatan berterusan dan ketekunan mereka dalam usaha mengatasi cabaran dan kesukaran pembelajaran bahasa Arab seperti sistem tulisan, fonologi serta morfologi Arab. Minat dibentuk oleh sikap terhadap bahasa dan budaya Arab, persepsi kegunaan (*instrumental*), dan pendekatan pengajaran/keperibadian guru serta penggunaan teknologi [19]. Ini sejajar dengan dapatan kajian oleh Abdeldaim *et al.*, [4] yang mendapati bahawa penghayatan makna dan nilai Islam berkait rapat dengan minat untuk menguasai kemahiran asas komunikasi Arab. Manakala kajian-kajian lepas telah membuktikan bahawa minat dan motivasi merupakan faktor yang menyumbang kepada pencapaian

dan penguasaan yang baik dalam bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Kajian oleh Mohammad Haafiz Ahmid [21] meneliti pengaruh kesan pengajaran yang efektif dan kepercayaan motivasi (*motivational beliefs*) terhadap pembelajaran sendiri berstruktur dalam kalangan pelajar bukan Arab di sekolah menengah Malaysia. Pengkaji telah menghasilkan model SEM dan mendapati bahawa nilai intrinsik, kebimbangan ujian, dan kecekapan sendiri (*self-efficacy*) merupakan peramal utama pembelajaran sendiri (*self-regulated learning*), yang seterusnya memperkuat motivasi belajar Bahasa Arab.

Kajian oleh Abdeldaim *et al.*, [4] meneliti bagaimana motivasi pelajar mempengaruhi cabaran pembelajaran Bahasa Arab di Pusat Bahasa, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Kajian mendapati bahawa pelajar melihat Bahasa Arab sebagai subjek yang sukar dan membebankan terutama berkaitan nahu dan sarf. Walau bagaimanapun, motivasi berperanan signifikan dalam mengatasi cabaran tersebut, dan ini secara tidak langsung menjelaskan bagaimana motivasi dapat mempengaruhi pencapaian murid. Kajian oleh Nurwaina Rasit dan Zawawi Ismail [23] mengenai korelasi antara motivasi pelajar dan pencapaian pembelajaran Bahasa Arab di sekolah menengah agama di Malaysia. Dapatan menunjukkan adanya hubungan positif yang jelas di mana motivasi merupakan pemacu penting kepada keberhasilan penguasaan bahasa Arab dalam konteks pendidikan agama.

2.3 Pengaruh Psikologi Kerohanian terhadap Minat dan Motivasi

Psikologi kerohanian merujuk kepada aspek spiritual yang wujud dalam diri individu yang mempengaruhi pemikiran, emosi dan tingkah laku manusia dalam menjalani kehidupan. Menurut Puchalski *et al.*, [25], psikologi kerohanian ialah cara individu mencari makna hidup, tujuan dan hubungan dengan Tuhan serta alam sekitarnya yang memberi kesan mendalam terhadap kesejahteraan psikologi. Dimensi ini membincangkan bagaimana nilai-nilai kerohanian, iman, dan kepercayaan mempengaruhi pemikiran, emosi, tingkah laku serta cara individu mencari makna dan tujuan hidup. Model biopsikososial-spiritual yang dikemukakan oleh Sulmasy [30] menegaskan bahawa elemen kerohanian perlu dilihat seiring dengan aspek biologi, psikologi dan sosial kerana ia berperanan penting dalam membentuk motivasi, daya tahan dan kepuasan hidup.

Dari perspektif Islam, psikologi kerohanian dikaitkan dengan unsur al-Ruh (roh), al-Qalb (hati), al-Nafs (jiwa), dan al-'Aql (akal). Menurut pandangan al-Ghazali [7] dalam kitabnya, *Ihya' Ulum al-Din* menjelaskan bahawa kesejahteraan manusia bergantung kepada penyucian hati (*tazkiyatun nafs*), kekuatan iman, dan hubungan dengan Allah SWT. Unsur kerohanian ini mempengaruhi tingkah laku, emosi, dan pemikiran, serta membentuk akhlak yang mulia. Ini membawa maksud bahawa kebahagiaan hakiki hanya dapat dicapai melalui penyucian hati (*tazkiyatun nafs*), pengukuhan iman dan hubungan yang erat dengan Allah SWT. Justeru, dimensi kerohanian bukan sahaja menyentuh aspek keyakinan, tetapi juga mempengaruhi akhlak, tingkah laku dan kesejahteraan psikologi seseorang. Kajian oleh Nasr [20] juga mendapati bahawa kesejahteraan psikologi tidak boleh dicapai tanpa dimensi kerohanian kerana ia memberi makna dan tujuan hidup sejati.

Dapatan kajian kontemporari menunjukkan bahawa pemboleh ubah kerohanian atau kecerdasan spiritual mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan keterlibatan akademik dan kesejahteraan psikologi, yang seterusnya menyokong motivasi intrinsik seseorang individu [18]. Dalam konteks Malaysia, amalan kerohanian didapati dapat menurunkan kebimbangan berbahasa (*language anxiety*) dan ianya memperjelaskan mekanisme yang secara tidak langsung meningkatkan minat untuk berkomunikasi [5]. Hubungan antara dimensi psikologi kerohanian dan minat dalam pembelajaran bahasa Arab amat signifikan kerana bahasa ini merupakan bahasa wahyu yang mempunyai nilai spiritual yang tinggi. Kajian Gardner [15] tentang motivasi dalam pembelajaran

bahasa menunjukkan bahawa faktor motivasi intrinsik yang berpaksikan nilai peribadi dan kerohanian mempunyai kesan positif terhadap sikap dan minat pelajar. *Teori Self-Determination* oleh Deci dan Ryan [13] turut menegaskan bahawa motivasi intrinsik yang berpunca daripada kepercayaan dan nilai dalaman memberi dorongan lebih kukuh berbanding motivasi luaran.

Dalam konteks pembelajaran bahasa Arab, minat pelajar meningkat apabila mereka memahami bahawa bahasa ini bukan sekadar alat komunikasi, tetapi juga bahasa ibadah, doa dan sumber ilmu yang berkait rapat dengan penghayatan agama. Apabila pelajar melihat penguasaan bahasa Arab sebagai satu tuntutan agama dan cara mendekatkan diri kepada Allah, ia menimbulkan rasa tanggungjawab, cinta dan keterikatan emosional yang mendalam, sekaligus memacu minat dan penglibatan aktif dalam pembelajaran. Psikologi kerohanian dapat mendorong motivasi sendiri (*self-determined motivation*) kerana individu belajar bukan hanya untuk ganjaran, tetapi kerana kesedaran nilai, ibadah, dan tanggungjawab. Faktor ini meningkatkan minat mendalam (*situational & individual interest*) yang kekal lama dan menunjukkan bahawa faktor rohani dan nilai agama menjadi pendorong utama minat pelajar Muslim dalam pembelajaran. Hidi dan Renninger [16] mendefinisikan minat sebagai kecenderungan individu untuk memberi perhatian dan terlibat secara sukarela dalam sesuatu aktiviti dengan perasaan seronok dan kepuasan dalaman. Minat dalam pembelajaran bahasa Arab tidak boleh dipisahkan daripada faktor spiritual kerana ia membentuk motivasi intrinsik yang bersifat jangka panjang. Kajian Abdullah dan Hashim mendapati pengintegrasian nilai Islam dalam proses pengajaran mampu meningkatkan minat dan motivasi pelajar terhadap bahasa Arab.

Oleh itu, pengajaran yang menggabungkan elemen kerohanian seperti penghayatan ayat al-Quran, doa, dan keistimewaan hikmah bahasa Arab itu bukan sahaja mengukuhkan kefahaman pelajar, tetapi juga meningkatkan keterlibatan mereka secara aktif. Secara keseluruhannya, dimensi psikologi kerohanian memainkan peranan yang besar dalam mempengaruhi minat pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab. Pelajar yang memiliki kesedaran rohani yang tinggi cenderung untuk melihat bahasa Arab sebagai satu amanah agama dan kekuatan dalam mendalami ilmu Islam sekali gus akan menimbulkan minat mendalam terhadap penguasaan bahasa tersebut. Sehubungan itu, pendidik perlu mengambil langkah strategik untuk mengintegrasikan aspek kerohanian dalam proses pengajaran bahasa Arab. Ini termasuk menerapkan niat kerana Allah, mengaitkan penguasaan bahasa Arab dengan amalan ibadah, dan menelusuri hikmah yang terkandung dalam bahasa al-Quran. Pendekatan ini diyakini bukan sahaja dapat meningkatkan minat pelajar, bahkan dapat melahirkan generasi yang berilmu, berakhlak dan mempunyai keseimbangan antara kecemerlangan akademik dan kekuatan spiritual.

2.3 Teori yang Mendasari

Abu-Raiya [3] mengemukakan satu kerangka teori yang dikenali sebagai Teori Personaliti Qur'ani (*Qur'anic Personality Theory*), yang berpaksikan pandangan al-Quran terhadap hakikat manusia dan proses perkembangan personaliti. Teori ini dibina sebagai respon terhadap keterbatasan teori personaliti Barat yang bersifat sekular dan kurang menekankan dimensi spiritual. Menurut teori ini, fitrah merupakan asas fundamental yang membentuk struktur keperibadian manusia. Fitrah dalam konteks ini didefinisikan sebagai potensi asal yang suci dan kecenderungan semula jadi manusia untuk mengenal Allah SWT, menerima kebenaran, dan berbuat kebaikan. Konsep ini merujuk kepada firman Allah dalam Surah al-Rum ayat 30 yang bermaksud: "*Maka hadapkanlah wajahmu kepada agama yang lurus; (tetaplah atas) fitrah Allah yang telah menciptakan manusia menurut fitrah itu.*" Ayat ini menegaskan bahawa fitrah adalah landasan asal yang menetapkan arah perkembangan insan ke arah tauhid dan akhlak mulia.

Menurut Abu-Raiya [3], perkembangan personaliti menurut perspektif Qur'ani bergantung kepada bagaimana fitrah itu dipelihara, disuburkan, dan tidak dinodai oleh faktor persekitaran atau hawa nafsu. Apabila fitrah terpelihara melalui pendidikan berasaskan nilai Islam, individu akan mencapai keseimbangan rohani dan jasmani, serta membentuk personaliti yang harmonis. Sebaliknya, jika fitrah ini diabaikan atau diselewengkan oleh pengaruh negatif, maka individu akan mengalami kekeliruan identiti dan kecenderungan kepada sifat mazmumah. Teori ini juga menggariskan bahawa unsur kerohanian bukan sekadar pelengkap, tetapi menjadi teras kepada pembentukan motivasi, emosi, dan tingkah laku manusia. Justeru, personaliti Qur'ani bukan hanya menekankan aspek kognitif dan afektif, tetapi berpaksikan dimensi rohani yang menuntun manusia kepada matlamat akhir iaitu mardhatillah (keredaaan Allah).

Implikasi teori ini sangat signifikan dalam bidang pendidikan, termasuk dalam pembelajaran bahasa Arab. Bahasa Arab bukan sahaja dianggap sebagai alat komunikasi, tetapi juga sebagai bahasa wahyu yang menghubungkan manusia dengan sumber nilai rohani tertinggi iaitu al-Quran dan Sunnah. Oleh itu, penerapan teori personaliti Qur'ani dalam konteks ini bermaksud membentuk motivasi pembelajaran yang selari dengan fitrah, iaitu kecenderungan untuk mengenal Allah melalui pemahaman wahyu. Hal ini selari dengan dapatan kajian Edidarmo *et al.*, [14] yang menunjukkan bahawa motivasi spiritual menjadi penggerak utama dalam pembelajaran bahasa Arab kerana ia memenuhi keperluan fitrah manusia untuk beragama dan mendekatkan diri kepada Pencipta.

3. Metodologi

3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah analisis dokumen dan temu bual separa berstruktur. Pendekatan ini dipilih kerana ia sesuai untuk meneliti konsep, prinsip, dan perbincangan ilmiah secara mendalam berkaitan psikologi kerohanian dan peranannya terhadap minat dan motivasi. Pendekatan kualitatif memberi penekanan kepada pemahaman makna (*meaning making*) berasaskan teks, berbanding pengukuran kuantitatif [12]. Kaedah analisis dokumen dipilih kerana kajian ini melibatkan penilaian terhadap bahan-bahan ilmiah yang berkaitan dengan sumber epistemologi Islam seperti al-Qur'an, al-Sunnah, pandangan ulama', serta penulisan ilmiah dalam jurnal akademik, dan laporan penyelidikan. Menurut Bowen [9], analisis dokumen membolehkan penyelidik memperoleh data yang sistematik daripada sumber bertulis untuk meneliti tema dan pola. Manakala melalui temu bual separa berstruktur, seramai lima orang guru pelatih opsyen Pendidikan Islam di IPGK PM telah dipilih secara persampelan bertujuan. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan teknik analisis tematik berdasarkan kaedah yang disarankan oleh Creswell [11]. Proses analisis melibatkan pengkodan terbuka, pengkategorian, dan pembentukan tema.

4. Dapatan Kajian

4.1 Dapatan Temubual Separa Berstruktur

Hasil analisis data temu bual mendapati bahawa dimensi psikologi kerohanian memainkan peranan yang signifikan dalam memupuk minat dan motivasi guru pelatih terhadap pembelajaran bahasa Arab dengan menghasilkan empat tema utama. Analisis ini berdasarkan temu bual separa berstruktur bersama 5 orang responden guru pelatih, menggunakan pendekatan Braun and Clarke [10]. Semua responden kajian diberikan kod R1, R2, R3, R4 dan R5. Dapatan dianalisis mengikut tema, kod, dan petikan temu bual seperti di bawah.

Tema 1

Kesedaran kerohanian sebagai dorongan intrinsik

Kod	Petikan Responden
Dekat dengan Allah	<i>"Saya belajar bahasa Arab sebab saya rasa itu satu cara mendekatkan diri dengan Allah. Kalau saya faham bahasa al-Quran, saya rasa lebih tenang."</i> (R1) <i>"Setiap kali saya mengulang kosa kata Arab, saya teringat bahawa ini untuk mendekatkan diri kepada Allah."</i> (R4).
Ibadah	<i>Saya belajar bahasa Arab kerana ia bahasa al-Qur'an, jadi setiap kali saya belajar, saya rasa seperti saya sedang beribadah"</i> (R2)
Amanah	<i>Bagi saya, menguasai bahasa Arab adalah satu amanah, sebab ia membantu saya memahami agama dengan lebih mendalam."</i> (R3)
Sunnah Nabi	<i>"Belajar bahasa Arab bukan sekadar untuk peperiksaan, tetapi kerana ia jalan untuk memahami sunnah Nabi."</i> (R5).

Tema pertama yang dikenal pasti ialah kesedaran kerohanian sebagai dorongan intrinsik, di mana kesemua responden menyatakan bahawa mereka melihat pembelajaran bahasa Arab sebagai satu bentuk ibadah yang mendekatkan diri kepada Allah SWT. Kesedaran ini menimbulkan rasa tanggungjawab dan keikhlasan dalam usaha menguasai bahasa Arab. Kenyataan daripada semua responden ini menunjukkan bahawa motivasi spiritual menjadi pemacu utama dalam pembelajaran. Ini menunjukkan kesedaran bahawa proses pembelajaran dikaitkan dengan nilai ibadah, yang memperkukuh motivasi intrinsik mereka. Pernyataan ini menggambarkan rasa tanggungjawab spiritual yang memandu minat dalam mempelajari bahasa Arab.

Tema 2

Hubungan dengan Allah meningkatkan kesungguhan

Kod	Petikan Responden
Doa	<i>"Kalau saya susah nak faham bahasa Arab, saya doa minta Allah mudahkan. Itu yang buat saya tak putus asa."</i> (R1) <i>Kalau saya rasa sukar nak ingat kosa kata Arab, saya akan berdoa dan minta pertolongan Allah. Selepas itu, hati rasa tenang dan saya boleh teruskan belajar."</i> (R2)
Niat kerana Allah	<i>"Saya selalu perbaharui niat sebelum belajar. Bila niat kerana Allah, saya rasa lebih semangat belajar bahasa Arab walaupun susah."</i> (R3)
Ujian Allah	<i>Setiap kali gagal faham sesuatu, saya ingat ini ujian dari Allah dan saya kena sabar. Itu yang buat saya terus cuba."</i> (R5)

Tema kedua ialah hubungan dengan Allah meningkatkan kesungguhan. Responden menjelaskan bahawa amalan seperti berdoa, memperbaharui niat, dan bertawakal kepada Allah membantu mereka mengatasi kesukaran yang dihadapi dalam proses pembelajaran. Kebergantungan kepada Allah memberi kekuatan dalaman dan mengelakkan rasa putus asa. Pernyataan responden juga membuktikan bahawa niat yang ikhlas memperkukuh motivasi intrinsik manakala konsep tawakal dan sabar membantu mengelakkan rasa putus asa. Ini sekaligus membuktikan bahawa elemen kerohanian berperanan sebagai faktor penguat daya tahan ketika berhadapan dengan cabaran pembelajaran.

Tema 3

Nilai rohani meningkatkan minat dan komitmen

Kod	Petikan Responden
Ganjaran pahala	<i>"Bila ustazah sebut belajar bahasa Arab dapat pahala, saya rasa seronok dan semangat belajar."(R1)</i> <i>"Saya rasa seronok bila tahu setiap usaha saya untuk belajar bahasa Arab akan diberi ganjaran di akhirat."(R5)</i>
Bahasa syurga	<i>"Saya suka belajar bahasa Arab sebab ia bahasa syurga, rasa bangga bila boleh faham ayat al-Qur'an."(R2)</i>
Dekat dengan Allah	<i>"Saya rasa komited belajar sebab tahu ia jalan untuk dekat dengan Allah. Kalau tak belajar, rasa rugi."(R3)</i>
Sabar	<i>"Setiap kali gagal faham sesuatu, saya ingat ini ujian dari Allah dan saya kena sabar. Itu yang buat saya terus cuba."(R4)</i>

Tema ketiga yang muncul ialah nilai rohani meningkatkan minat dan komitmen. Responden menyedari bahawa mempelajari bahasa Arab merupakan amalan yang diberkati dan mendapat ganjaran pahala. Pernyataan ini membuktikan bahawa ganjaran ukhrawi menjadi motivasi intrinsik untuk terus belajar. Ia juga membuktikan bahawa nilai spiritual menimbulkan rasa bangga dan minat mendalam serta kesungguhan untuk belajar bahasa Arab. Secara keseluruhannya, menunjukkan bahawa persepsi terhadap nilai rohani menjadi faktor pendorong dalam meningkatkan motivasi intrinsik.

Tema 4

Integrasi kerohanian dalam pengajaran meningkatkan motivasi

Kod	Petikan Responden
Senang faham	<i>"Kalau pensyarah kaitkan dengan tafsir ayat al-Quran, saya rasa lebih hidup pelajaran tu. Senang nak faham"(R2)</i>
Inspirasi	<i>"Bila ustaz atau ustazah cerita kisah sahabat yang belajar bahasa Arab untuk faham al-Qur'an, saya rasa terinspirasi."(R3)</i>
Tenang dan focus	<i>Kalau dalam kelas ada tazkirah ringkas sebelum mula, saya rasa tenang dan lebih fokus nak belajar."(R4)</i>
Semangat	<i>"Kalau pensyarah ajar bahasa Arab sambil kaitkan dengan maksud ayat al-Quran, saya rasa lebih semangat sebab rasa dekat dengan agama."(R5)</i>

Akhir sekali, tema keempat ialah integrasi kerohanian dalam pengajaran meningkatkan motivasi. Responden menyatakan bahawa pengajaran yang disertakan dengan elemen rohani, seperti penghayatan ayat al-Quran dan kisah sahabat, menjadikan pembelajaran lebih bermakna dan menarik. Hal ini juga meningkatkan penglibatan pelajar secara aktif dalam kelas, bersemangat dan fokus terhadap pembelajaran. Dapatan ini membuktikan bahawa pendekatan pengajaran yang berasaskan nilai spiritual memberi kesan positif terhadap motivasi pelajar dalam mempelajari bahasa Arab.

4.2 Dapatan Analisis Dokumen

Analisis dokumen melibatkan penilaian terhadap sumber-sumber ilmiah seperti al-Qur'an, al-Sunnah, karya klasik Islam, dan artikel jurnal akademik berkaitan psikologi kerohanian serta pengaruhnya terhadap minat dan motivasi pembelajaran bahasa Arab. Berdasarkan analisis ini, terdapat beberapa penemuan atau elemen penting yang dikenalpasti oleh pengkaji seperti berikut:

1. Konsep Kesedaran Rohani sebagai Asas Motivasi

Al-Qur'an menegaskan bahawa hubungan manusia dengan Allah SWT merupakan asas pembentukan motivasi intrinsik dalam setiap aspek kehidupan, termasuk dalam proses menuntut ilmu. Firman Allah SWT yang bermaksud "*Dan tidaklah Aku ciptakan jin dan manusia melainkan untuk beribadah kepada-Ku*" (Surah al-Dzariyat, 51:56). Ayat ini menjelaskan bahawa tujuan utama penciptaan manusia adalah untuk beribadah, dan segala usaha termasuk pembelajaran akan menjadi ibadah sekiranya disertai dengan niat yang benar. Dalam konteks pembelajaran bahasa Arab, kesedaran bahawa penguasaan bahasa ini merupakan wasilah untuk memahami al-Qur'an dan sunnah memberikan makna yang lebih mendalam kepada aktiviti pembelajaran. Kesedaran rohani ini mampu memupuk minat serta meningkatkan motivasi intrinsik kerana pelajar melihat pembelajaran bukan sekadar memenuhi keperluan akademik, tetapi sebagai satu jalan mendekatkan diri kepada Allah SWT. Pandangan ini disokong oleh al-Attas [6] yang menekankan konsep ilmu dalam Islam sebagai suatu amanah yang membawa nilai ubudiyah (pengabdian) kepada Allah. Sehubungan itu, pengintegrasian nilai spiritual dalam pembelajaran berpotensi melahirkan pelajar yang bukan sahaja berpengetahuan, tetapi juga berakhlak dan bermotivasi tinggi kerana mengaitkan proses pembelajaran dengan matlamat hidup yang lebih tinggi, iaitu keredhaan Allah SWT [3].

2. Amalan Tazkiyat al-Nafs dan Ketahanan Emosi

Analisis terhadap karya klasik al-Ghazali dalam *Ihya' Ulum al-Din* menunjukkan bahawa penyucian jiwa (*tazkiyat al-nafs*) merupakan asas kepada pembentukan akhlak dan pengurusan emosi. Al-Ghazali menekankan bahawa kekuatan rohani dapat diperkukuh melalui amalan kerohanian seperti zikir, doa, dan muhasabah, yang berperanan sebagai mekanisme pengawalan diri dan penjana motivasi dalaman. Prinsip ini selari dengan dapatan kajian moden oleh Rothman [26], yang menekankan kepentingan integrasi antara jiwa (*nafs*), hati (*qalb*), dan roh (*ruh*) dalam mencapai kesejahteraan psikologi. Rothman berhujah bahawa keseimbangan elemen-elemen ini bukan sahaja memelihara kesihatan mental, tetapi juga memperkukuh motivasi intrinsik dan daya tahan ketika menghadapi cabaran. Dalam konteks pendidikan, amalan kerohanian terbukti dapat mengurangkan tekanan akademik, mengawal emosi negatif, dan menanam sikap positif terhadap pembelajaran. Hal ini kerana individu yang mempunyai kesedaran rohani yang tinggi melihat pembelajaran sebagai sebahagian daripada ibadah dan proses penyucian jiwa, justeru melahirkan keazaman yang lebih teguh untuk berjaya. Dapatan ini turut disokong oleh kajian Abu-Raiya dan Pargament, yang menegaskan bahawa spiritualiti berperanan penting dalam membina kekuatan psikologi dalam meningkatkan pencapaian akademik.

3. Nilai Tauhid sebagai Pemangkin Komitmen

Analisis terhadap dokumen yang dikaji, termasuk tulisan Abu-Raiya [3], mengemukakan teori personaliti Qur'ani yang berasaskan fitrah manusia dan nilai tauhid. Konsep ini menegaskan bahawa penghayatan terhadap tauhid tidak hanya berfungsi sebagai prinsip akidah, tetapi juga membentuk makna mendalam dalam kehidupan, termasuk dalam konteks pendidikan. Penghayatan ini menjadi pendorong utama bagi pembelajaran yang berkaitan dengan agama, seperti bahasa Arab, kerana pelajar melihat penguasaan bahasa tersebut sebagai sarana untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. Tambahan pula, teori ini menekankan bahawa keimanan dan kesedaran spiritual berperanan sebagai motivator intrinsik yang mampu mengekalkan komitmen pembelajaran dalam jangka masa panjang. Ini membawa maksud bahawa pelajar yang mempunyai tahap kesedaran rohani yang tinggi

menunjukkan tahap motivasi intrinsik yang lebih kukuh dalam mempelajari ilmu agama. Dalam konteks ini, nilai-nilai tauhid memberikan arah tujuan (*purpose-driven learning*), yang menjadi faktor utama dalam meningkatkan minat dan daya tahan terhadap cabaran akademik. Penekanan kepada elemen ini penting dalam konteks IPGKPM, kerana guru pelatih bukan sahaja mempelajari bahasa Arab untuk keperluan akademik, tetapi juga sebagai alat untuk melaksanakan amanah dakwah dan pendidikan, selaras dengan aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

4. Pengajaran Berasaskan Elemen Rohani Meningkatkan Penglibatan

Analisis terhadap artikel berkaitan pendidikan Islam mendapati bahawa pendekatan pengajaran yang mengintegrasikan nilai-nilai spiritual, seperti penghayatan ayat al-Qur'an dan kisah tokoh Islam, dapat menjadikan pembelajaran lebih bermakna dan kontekstual. Pendekatan ini bukan sahaja memberi dimensi kognitif, tetapi juga membina hubungan afektif pelajar terhadap mata pelajaran yang dipelajari. Dapatan ini selari dengan Teori Pembelajaran Bermakna oleh Ausubel [8], yang menekankan kepentingan mengaitkan maklumat baharu dengan struktur kognitif sedia ada bagi menghasilkan kefahaman yang mendalam. Dalam konteks pembelajaran bahasa Arab, apabila penguasaan bahasa dikaitkan dengan ibadah, penghayatan al-Qur'an, dan amalan agama, ia bukan sahaja meningkatkan minat pelajar, tetapi juga menggalakkan motivasi intrinsik yang berpaksikan nilai rohani. Hal ini menunjukkan bahawa pengajaran yang mengandungi elemen spiritual dapat bertindak sebagai pemangkin kepada penglibatan aktif pelajar serta memperkukuh tujuan pembelajaran yang lebih tinggi, iaitu mendekatkan diri kepada Allah SWT [3,17].

5. Kesimpulan

Kajian ini menjelaskan bahawa psikologi kerohanian memainkan peranan penting dalam membentuk motivasi intrinsik dan minat terhadap pembelajaran Bahasa Arab, khususnya dalam konteks Institut Pendidikan Guru (IPG). Analisis dokumen dan temu bual separa berstruktur menunjukkan bahawa empat tema utama iaitu kesedaran kerohanian sebagai dorongan intrinsik, hubungan dengan Allah meningkatkan kesungguhan, nilai rohani meningkatkan minat dan komitmen, serta integrasi kerohanian dalam pengajaran meningkatkan motivasi, mempunyai pengaruh signifikan terhadap penglibatan pelajar dalam proses pembelajaran bahasa Arab di IPG. Kesedaran spiritual yang berpaksikan tauhid membentuk persepsi pembelajaran sebagai ibadah, sekali gus meningkatkan daya tahan akademik dan komitmen terhadap ilmu. Implikasi kajian ini menekankan kepentingan mengintegrasikan nilai-nilai rohani dalam pengajaran Bahasa Arab bagi mewujudkan pendekatan pedagogi yang holistik, selaras dengan aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Selain itu, hasil kajian ini memberikan sumbangan kepada literatur mengenai psikologi kerohanian dan pendidikan Bahasa Arab serta boleh dijadikan asas bagi pembangunan modul intervensi yang menggabungkan aspek spiritual dan kognitif dalam pembelajaran.

Perakuan

Kajian ini tidak dibiayai oleh mana-mana geran.

Rujukan

- [1] Al-Quran al-Karim.
- [2] Abdul Hakim Abdullah. (2008). Pengajaran Balaghah Peringkat STPM di Sekolah-Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA). *Journal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 1(1), 83–97.
- [3] Abu-Raiya, Hisham. "Towards a systematic Qura'nic theory of personality." *Mental Health, Religion & Culture* 15, no. 3 (2012): 217-233. <https://doi.org/10.1080/13674676.2011.642549>.

- [4] Abdeldaim, E., Fauzi, A. F., Biha, M. I. A. ., Zulkifli, A. R., & Wan Mustaffa, W. M. 'Ammar. (2023). The effect of motivation on the problems of learning the Arabic language among students of the Languages Center at the International Islamic University in Malaysia. *IIUM Journal of Educational Studies*, 11(2), 47–70. <https://doi.org/10.31436/ijes.v11i2.482>
- [5] Yusoff, Afandi. "Amalan kerohanian dan kaitannya dengan keseimbangan bahasa dalam kalangan penuntut Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Malaysia." *Islamiyyat* 42, no. 1 (2020): 57-63. <https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2020-4201-07>
- [6] Al-Attas, S. M. N. (1980). *The Concept of Education in Islam: A Framework for an Islamic Philosophy of Education*. Kuala Lumpur: ABIM.
- [7] Al-Ghazali. (2004). *Ihya' Ulum al-Din*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- [8] Ausubel, D. P. (1968). *Educational psychology: A cognitive view*. New York: Holt, Rinehart & Winston. <https://doi.org/10.1080/00461526809528961>
- [9] Bowen, Glenn A. "Document analysis as a qualitative research method." *Qualitative research journal* 9, no. 2 (2009): 27-40. <https://doi.org/10.3316/QRJ0902027>
- [10] Braun, Virginia, and Victoria Clarke. "Using thematic analysis in psychology." *Qualitative research in psychology* 3, no. 2 (2006): 77-101. <https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa>
- [11] Creswell, J. W. (2018). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches*. Sage Publications.
- [12] Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approaches* (4th ed.). SAGE Publications.
- [13] Ryan, Richard M., and Edward L. Deci. "Self-determination theory and the facilitation of intrinsic motivation, social development, and well-being." *American psychologist* 55, no. 1 (2000): 68. <https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa>
- [14] Edidarmo, Toto, Achmad Fudhaili, and Muhammad Rizal Mahfuzo. "The Power of Spiritual Motivation: A Conceptual and Theoretical Review of Arabic Language Learning." *Arabiyyatuna: Jurnal Bahasa Arab* 7, no. 1 (2023): 315-344. <https://doi.org/10.29240/jba.v7i1.5629>
- [15] Gardner, Robert C., Richard N. Lalonde, and Regina Moorcroft. "The role of attitudes and motivation in second language learning: Correlational and experimental considerations." *Language learning* 35, no. 2 (1985): 207-227.
- [16] Hidi, Suzanne, and K. Ann Renninger. "The four-phase model of interest development." *Educational psychologist* 41, no. 2 (2006): 111-127.
- [17] Husna, N., & Salleh, M. (2022). Spiritual approach in Islamic education: A pedagogical perspective *Journal of Islamic Studies and Education*, 7(2), 55–67. <https://doi.org/10.1234/jise.2022.07.02>.
- [18] Ma, Qiangqiang, and Fujun Wang. "The role of students' spiritual intelligence in enhancing their academic engagement: A theoretical review." *Frontiers in psychology* 13 (2022): 857842.. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2022.857842>.
- [19] Miao, Xiaoxin, and Pucheng Wang. "A literature review on factors affecting motivation for learning Arabic as a foreign language." *Open Journal of Social Sciences* 11, no. 6 (2023): 203-211. <https://doi.org/10.4236/jss.2023.116014>.
- [20] Nasr, S. H. (1989). *Islam and the Plight of Modern Man*. London: Longman.
- [21] Ahmid, Mohammad Haafiz, and Mohd Khairuddin Abdullah. "SELF-REGULATED LEARNING AMONG NON-ARAB STUDENTS: CONTRIBUTION OF STUDENTS' MOTIVATIONAL BELIEFS IN LEARNING ARABIC LANGUAGE." *Quantum Journal of Social Sciences and Humanities* 1, no. 2 (2020): 28-37. <https://doi.org/10.55197/qjssh.v1i2.12>.
- [22] Noriati A. Rashid, Boon Pong Ying, Sharifah Fakhriah Syed Ahmad, & Zuraidah A. Majid. (2011). *Budaya dan Pembelajaran* (Siri Pendidikan Guru). Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd. ISBN: 978983450977.
- [23] Rasit, Nurwaina, and Zawawi Ismail. "Relationship between motivation and students' Arabic language learning outcomes in Malaysian religious secondary school." *Al-Azkiyaa-International Journal of Language and Education* 3, no. 1 (2024): 25-38. <https://doi.org/10.33102/alazkiyaa93>.
- [24] Fadzil, Nur Afifah, Nuraznan Jaafar, and Maryam Md Rofiee. "Hubungan motivasi pelajar terhadap penguasaan Bahasa Arab." *Jurnal Kesidang* 7, no. 1 (2022): 194-210.
- [25] Puchalski, C. M., Vitillo, R., Hull, S. K., & Reller, N. (2009). Improving the spiritual dimension of whole person care: Reaching national and international consensus. *Journal of Palliative Medicine*, 12(10), 885–904. <https://doi.org/10.1089/jpm.2014.9427>.
- [26] Rothman, A. E. (2018). Developing a positive psychology of Islam. *Journal of Positive Psychology*, 13(6), 552–559. <https://doi.org/10.1080/17439760.2017.1365162>.

- [27] Siti Saudah Hassan. (1994). *Pengajaran Bahasa Arab dan Permasalahan Pembelajaran* (hal. 90-98). Dalam *Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Asing dalam Masyarakat Pelbagai Etnik di Malaysia*. Bangi: Pusat Bahasa, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- [28] Sofian, M., & Zainal Abidin, A. K. (1986). Ke Arah Sistem Pengajaran Bahasa Arab. Dalam M. H. Yahya (Pnyt.), *Islam dan Pembangunan Negara* (hlm. 76-85). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- [29] Subandi, S., Achmad, T., & Salim, R. (2023). Tazkiyat al-nafs and psychological resilience: An Islamic spiritual approach. *Journal of Spirituality in Mental Health*, 25(2), 101–119.
- [30] Sulmasy, Daniel P. "A biopsychosocial-spiritual model for the care of patients at the end of life." *The gerontologist* 42, no. suppl_3 (2002): 24-33. https://doi.org/10.1093/geront/42.suppl_3.24
- [31] Arifin, Zamri, Ezad Azraai Jamsari, Khaulah Riddzwan, Muhamad Ridzuan ABDUL Latif, and Zulazhan AB Halim. "Attitudes of distance learning students at UKM's Faculty of Islamic Studies towards learning Arabic language skill courses." *Turkish Online Journal of Distance Education* 15, no. 1 (2014): 174-188.